



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI)

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
2012**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
TUJUAN	1
LATAR BELAKANG	1
RASIONAL PENJENAMAAN SEMULA PROGRAM SDSI	2
IDENTITI PROGRAM SDSI	3
Produk SDSI	3
Pengklusteran Projek SDSI	4
Kementerian Peneraju Mengikut Kluster	5
Penilaian Pelaksanaan Program SDSI	6
Sistem Pangkalan Data SDSI di ICU JPM	6
Penjenamaan	7
Peranan Kerajaan dan Kerjasama Strategik dengan Pihak Swasta	7
RANGKA KERJA PEMBANGUNAN PRODUK DAN USAHAWAN SDSI	8
Pembangunan Produk	9
Pembangunan Usahawan	10
Jalinan Program SDSI dan PKS	10
Fasa I: Asas dan Pengukuhan	13
Fasa II : Perkembangan dan Peningkatan	14
JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN PROGRAM SDSI	15
Jawatankuasa Penyelarasan Peringkat Persekutuan dan Negeri	16
Jawatankuasa Penyelarasan SDSI Peringkat Kementerian (JPSPK)	19
Jawatankuasa Kerja Bagi Kluster Makanan/Minuman, Homestay, Produk Kraf dan Produk/Perkhidmatan Kesihatan	21
Jawatankuasa Kerja Promosi, Pemasaran dan Pembangunan Keusahawanan	23

PERKARA	MUKA SURAT
PANDUAN UMUM JAWATANKUASA	25
Mesyuarat Jawatankuasa	25
Takwim Mesyuarat	25
Agenda Mesyuarat	25
Mengenal Pasti Isu dan Masalah Serta Tindakan Penyelesaian	26
Format Laporan	26
Minit Mesyuarat	26
Maklum Balas Keputusan Mesyuarat	27
Perubahan Keahlian dan Fungsi Jawatankuasa	27
LIPUTAN ARAHAN	28
PENUTUP	28
LAMPIRAN	
Lampiran A: Maklumat Penilaian SCORE dan MCORE	29
Lampiran B: Contoh Format Pemantauan Projek SDSI	31
Lampiran C: Carta Aliran Pembangunan Program SDSI	33
Lampiran D: Contoh Format Laporan Projek Bermasalah Kementerian Untuk Perhatian Jawatankuasa Penyelarasan SDSI Peringkat Kementerian	35
Lampiran E: Contoh Format Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan SDSI Peringkat Kementerian	36
Lampiran F: Contoh Format Butir-butir Keputusan Jawatankuasa SDSI Peringkat Kementerian	37
Lampiran G: Contoh Format Laporan Maklum Balas Pelaksanaan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan SDSI Peringkat Kementerian	38
SINGKATAN	39
GLOSARI	40


TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk memperkasakan Program SDSI selari dengan dasar negara bagi menyokong pencapaian matlamat untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

LATAR BELAKANG

2. Program SDSI mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1992 sebagai **Satu Kampung Satu Produk (SKSP)** mengambil pengalaman Program *One Village One Product* (OVOP) dari Jepun yang telah bermula sejak 1979. Pada tahun 2002, program ini dikembangkan menjadi **Satu Kampung Satu Industri (SKSI)** dan kemudian diberi nama baru kepada **Satu Daerah Satu Industri (SDSI)** pada tahun 2003.

Rajah 1 : Evolusi Program SDSI Di Malaysia



3. Bagi memantapkan jentera pelaksanaan Program SDSI di semua peringkat, Jemaah Menteri pada 8 Disember 2004 telah memutuskan agar Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) bertindak sebagai urus setia dan penyelaras Program SDSI. Berikutan itu, Arahan Pelaksanaan Program SDSI telah dikeluarkan oleh ICU JPM pada tahun 2006. Di bawah arahan tersebut, YAB Timbalan Perdana Menteri akan

mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa SDSI Peringkat Kebangsaan dan dianggotai oleh kementerian dan agensi yang terlibat bagi menentukan dasar dan hala tuju program ini.

4. Berdasarkan akan pencapaian semasa pelaksanaan Program SDSI dan dasar semasa negara, Mesyuarat Jawatankuasa SDSI Peringkat Kebangsaan Bil. 1/2011 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 16 Mac 2011 telah meminta supaya kaedah pelaksanaan Program SDSI diteliti semula dan diselaraskan dengan dasar semasa kerajaan.


RASIONAL PENJENAMAAN SEMULA PROGRAM SDSI

5. Penjenamaan semula Program SDSI ini adalah selari dengan dasar-dasar semasa Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 (pendapatan per kapita RM48,000/USD15,000 pada tahun 2020). Untuk itu, Kerajaan telah menetapkan sasaran berikut:
 - i) Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 6.0% setahun sepanjang tempoh RMKe10; dan
 - ii) Pertumbuhan pelaburan swasta pada kadar melebihi 12.8% setahun.
6. Di bawah tempoh RMKe10, pembangunan usahawan dinyatakan di bawah usaha-usaha kerajaan untuk **meningkatkan tahap pendapatan isi rumah 40% terendah (kurang daripada RM2,300 sebulan) menjelang 2015**. Pendekatan kemudahan kepada enterpis akan diberikan berdasarkan kepada status sesebuah syarikat.
7. **Model Baru Ekonomi (MBE)** juga memberikan tumpuan untuk merangsang pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Di bawah **Program Transformasi Ekonomi: Hala tuju untuk Malaysia** (*Economic Transformation Programe* (ETP) pula, bidang yang mempunyai hubung kait secara langsung dengan Program SDSI ialah di bawah **segmen pelancongan serta borong dan peruncitan**.

IDENTITI PROGRAM SDSI

8. Program SDSI merupakan satu program pembangunan ekonomi yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan yang berterusan dan seterusnya akan memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat umumnya dan masyarakat setempat khususnya.
9. Objektif pembangunan Program SDSI adalah untuk **melonjakkan produk setempat sebagai industri yang berdaya maju seiring dengan pembangunan usahawan yang berdaya saing**. Secara spesifiknya, tumpuan program ini menjurus kepada 3 aspek seperti di **Rajah 2**.

Rajah 2 : Objektif Program SDSI



Produk SDSI

10. Bagi membezakan Produk SDSI berbanding produk industri lain, kriteria penentuan Produk SDSI diperkenalkan. **Hanya produk yang memenuhi sekurang-kurangnya 2 kriteria** sahaja akan diiktiraf sebagai Produk SDSI. Kriteria penentuan Produk SDSI adalah seperti di bawah:

- i) **Kegiatan Yang Melibatkan Komuniti Setempat**

Sesuatu projek dijalankan oleh kumpulan/koperasi/persatuan/syarikat persendirian dalam rantai industri yang melibatkan komuniti setempat.

ii) Produk unik

Produk yang mempunyai keunikan ciri/keistimewaan setempat yang dapat memberikan identiti atau imej kepada daerah berkenaan.

iii) Penggunaan Sumber Tempatan

Produk yang menggunakan sumber tempatan seperti bahan mentah, sumber tenaga manusia yang berkemahiran, budaya dan keindahan alam semula jadi.

iv) Pewujudan Rantaian Nilai Ekonomi

Mewujudkan rantaian nilai ekonomi yang saling menyokong dan menggerakkan ses sebuah projek sama ada di peringkat bekalan sumber bahan mentah, pengeluaran, pembuatan, penggredan, pelabelan, pembungkusan, pengedaran, pemasaran dan sebagainya. Aktiviti di sepanjang rantaian nilai dalam setiap projek akan memberikan nilai tambah kepada produk.

v) Peluang Pekerjaan

Mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Pengklusteran Projek SDSI

11. Pembangunan projek-projek SDSI dibahagikan mengikut kluster atau bidang usaha berdasarkan kepada kapasiti usahawan, kebolehpasaran produk dan sumber bahan mentah.
12. Secara keseluruhannya, pembangunan Produk SDSI dibahagikan kepada 4 kluster Pembangunan Produk SDSI dan 1 kluster Sokongan Pembangunan Produk SDSI seperti berikut:

Kluster Pembangunan Produk SDSI

i) Kluster Produk Makanan/Minuman

Meliputi aktiviti industri perusahaan makanan dan minuman berasaskan hasil tani (pertanian, perikanan, penternakan dan perhutanan).

ii) Kluster Homestay

Meliputi penyediaan kemudahan penginapan dan aktiviti tarikan pelancong untuk merasai pengalaman unik gaya hidup dan aktiviti ekonomi setempat.

iii) **Kluster Produk Kraf**

Meliputi perusahaan dan pengeluaran produk kraf berasaskan sumber dan kemahiran tempatan.

iv) **Kluster Produk/Perkhidmatan Kesihatan**

Meliputi pengeluaran produk/perkhidmatan kesihatan sama ada dalam bentuk makanan atau bukan makanan serta perkhidmatan berasaskan produk tersebut.

Kluster Sokongan Pembangunan Produk SDSI

v) **Kluster Promosi, Pemasaran dan Pembangunan Keusahawanan**

Memberikan khidmat sokongan dari segi pemasaran dan promosi produk-produk SDSI dan memberikan latihan mengikut keperluan seseorang usahawan.

Kementerian Peneraju Mengikut Kluster


13. Pembangunan kluster akan diterajui oleh sebuah kementerian yang mempunyai kepakaran di dalam kluster tersebut atau pembangunan kumpulan sasar. Kementerian peneraju seperti di **Rajah 3** akan bertanggungjawab untuk menyelaras, memantau pembangunan usahawan dan projek SDSI di bawah kluster masing-masing dan bekerjasama dengan kementerian/agensi lain.

Rajah 3 : Kementerian Peneraju Mengikut Kluster



14. Walaupun kementerian peneraju mengikut kluster telah ditetapkan namun kementerian bukan peneraju (kementerian/agensi lain) boleh mencadangkan projek SDSI yang dikenal pasti kepada kementerian peneraju. Pemantauan perlu dibuat secara bersama di antara dua pihak tersebut bagi memastikan usahawan yang mereka kenal pasti mendapat peluang untuk dimajukan (**Rajah 4**).

Rajah 4: Kerjasama Antara Kementerian Peneraju dan Kementerian Bukan Peneraju



Penilaian Pelaksanaan Program SDSI

15. Kementerian peneraju perlu mewujudkan *Key Performance Indicator* (KPI) di setiap peringkat bagi mengukur pencapaian Program SDSI dengan merujuk kepada KPI Pembangunan Usahawan dan Produk seperti di muka surat 10, 14 dan 15.
16. Pemantauan dan penilaian perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan Program SDSI mencapai KPI yang ditetapkan. Kajian *outcome* perlu dilaksanakan bagi menilai *outcome* projek kepada pembangunan usahawan SDSI.

Sistem Pangkalan Data SDSI di ICU JPM

17. Sistem Pangkalan Data SDSI yang dibangunkan oleh ICU JPM bertindak sebagai pusat pangkalan data, sumber rujukan dan instrumen utama dalam membuat penilaian keberkesanan program.

Penjenamaan

18. Produk SDSI mengguna pakai logo yang seragam bagi memberikan identiti kepada produk tersebut. Logo SDSI dan keterangan mengenainya adalah seperti di **Rajah 5**.

Rajah 5 : Logo SDSI



Peranan Kerajaan dan Kerjasama Strategik dengan Pihak Swasta

19. Dalam konteks pembangunan Program SDSI, komitmen daripada pelbagai pihak iaitu kerajaan, institusi penyelidikan¹, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs)² dan swasta perlu dilaksanakan secara bersepadu. Di peringkat awal pembangunan projek SDSI, agensi kerajaan berperanan besar antaranya untuk memberikan khidmat nasihat, pemindahan kepakaran bagi menghasilkan produk yang menepati kehendak pasaran dan penambah baikkan kualiti produk bagi mematuhi piawaian yang berkaitan. Penglibatan pihak kerajaan akan berkurangan apabila usahawan telah berjaya mencapai tahap industri kecil atau sederhana.
20. Justeru itu, kerjasama strategik dengan pihak swasta dan GLCs termasuklah Koridor Pembangunan Ekonomi³ amat penting sebagai faktor pelengkap kepada aktiviti pembangunan Program SDSI. Antara bentuk kerjasama yang

¹ Antaranya Standards & Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

² Antaranya Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), SME Bank dan FELDA.


³ Koridor Iskandar Malaysia (IM), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Koridor Pantai Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).

boleh dilaksanakan ialah dalam bentuk pembiayaan, peluang perniagaan dan khidmat nasihat mengenai produk yang diperlukan oleh pasaran sama ada di dalam dan luar negara.

RANGKA KERJA PEMBANGUNAN PRODUK DAN USAHAWAN SDSI

21. Ke arah mewujudkan **produk SDSI sebagai industri** di sesebuah daerah, penekanan diberikan kepada 2 aspek utama iaitu **pembangunan produk dan pembangunan usahawan SDSI** seperti di Rajah 6.

Rajah 6 : Pembangunan Produk dan Usahawan SDSI




Kriteria	Definisi
Komuniti	Aktiviti secara berkelompok sama ada dalam bentuk kumpulan/koperasi/persatuan/syarikat persendirian dalam rantaian industri.
Rantaian nilai	Rantaian nilai ekonomi antara ahli komuniti di peringkat pengeluaran hingga pemasaran.
Tenaga kerja	Mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.
Produk unik	Keistimewaan setempat yang dapat memberi identiti kepada kawasan berkenaan.
Sumber tempatan	Produk/perkhidmatan yang menggunakan sumber tempatan (bahan mentah, tenaga manusia yang berkemahiran, budaya, keindahan alam semulajadi).

Pembangunan Produk

22. Di bawah pembangunan produk, produk SDSI akan dinilai mengikut bintang (*star rating*) iaitu 1 hingga 5 bintang. Produk SDSI akan mendapat status sebagai sebagai Produk *Champion* apabila telah mencapai tahap 3 hingga 5 bintang seperti di Rajah 7.

Rajah 7 : Tahap Pembangunan Ke Arah Produk *Champion*



Nota:

*Produk SDSI boleh menjadi Produk Champion SDSI apabila telah mencapai tahap 3 – 5 bintang.

23. Sesebuah daerah boleh mempunyai lebih daripada satu Produk *Champion* SDSI. Projek yang terpilih sebagai Produk *Champion* SDSI akan mendapat keutamaan untuk mendapat bantuan/khidmat nasihat antaranya bantuan penyelidikan & pembangunan (R&D), pemasaran, penjenamaan dan promosi serta khidmat teknikal dari segi kualiti dan piawaian.

24. KPI bagi Kementerian Peneraju untuk pembangunan produk SDSI ialah:
 - i) **Fasa 1:** sebanyak 50% Produk *Champion* perlu meningkat daripada 3 bintang ke 4 bintang dalam tempoh 2-3 tahun.
 - ii) **Fasa 2:** sebanyak 5% Produk *Champion* mencapai tahap 5 bintang dalam tempoh 2 tahun.
25. Pemilihan Produk *Champion* akan dilaksanakan oleh Kementerian Peneraju dengan kerjasama Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri (JKTNg). Usahawan yang produknya telah terpilih sebagai Produk *Champion* akan mendapat keutamaan untuk menjadi Usahawan Harapan.

Pembangunan Usahawan

Jalinan Program SDSI dan PKS

26. Selari dengan MBE yang memberi tumpuan kepada pertumbuhan PKS maka Program SDSI meletakkan matlamat akhir untuk melahirkan usahawan SDSI yang berjaya untuk mencapai tahap kecil dan sederhana. Kriteria PKS di bawah SME Corp. akan dijadikan sebagai panduan untuk mengukur kategori sesebuah projek SDSI.
27. Berdasarkan kepada kriteria tersebut, kategori sesebuah industri ditentukan melalui **nilai jualan dan bilangan pekerja**. Sesebuah projek boleh dikategorikan kepada 3 iaitu **mikro, kecil dan sederhana** seperti di **Rajah 8**. Kaedah penilaian yang digunakan bagi mengetahui kategori projek ialah melalui MCORE (*Micro Enterprise Competitiveness Rating for Enhancement*) dan SCORE (*SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE) Programme*). Maklumat mengenai MCORE dan SCORE seperti di **Lampiran A**.


Rajah 8: Kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)



Sumber : SME Corp.

28. Bagi mencapai matlamat akhir Program SDSI, maka pembangunan usahawan SDSI akan dibahagikan kepada **2 fasa** iaitu **Fasa I: Asas dan Pengukuhan** dan **Fasa II: Perkembangan dan Peningkatan**. Perbezaan di antara **kedua-dua fasa** ini ialah **dari aspek bantuan dan khidmat sokongan** yang diberikan oleh kerajaan dan peranan di pihak kerajaan dan swasta. Rangka kerja adalah seperti di **Rajah 9**.

Rajah 9 : Rangka Kerja Pembangunan Usahawan dan Produk SDSI



Fasa I : Asas dan Pengukuhan

29. Fasa I terbahagi kepada 2 iaitu peringkat Asas dan Pengukuhan. Pada fasa ini, **usahawan akan dibimbing di bawah Program Usahawan Harapan untuk tempoh maksimum 3 tahun**. Dalam tempoh ini, peranan yang perlu dilakukan oleh kementerian peneraju ialah:
- i) **Mengenal pasti usahawan harapan SDSI berdasarkan kriteria SDSI** dan keutamaan perlu diberikan kepada usahawan yang produknya telah diiktiraf sebagai Produk *Champion*.
 - ii) Mengenal pasti bentuk bantuan dan khidmat bimbingan yang diperlukan mengikut projek. **Jenis bantuan yang boleh diberikan adalah bergantung kepada keperluan sesebuah projek.**
 - iii) Membantu usahawan untuk mendapat pengiktirafan dan pematuhan kepada piawaian semasa mengikut kesesuaian kluster seperti HALAL dan *Hazard Analysis & Critical Control Points (HACCP)* dan *Food Safety* bagi produk makanan.
 - iv) Memantau dan melaporkan pencapaian usahawan kepada Jawatankuasa Kerja Kluster dan **Jawatankuasa Penyelarasan SDSI Peringkat Kementerian (JPSPK)** dalam tempoh 2 tahun. Format Pemantauan seperti di **Lampiran B**.
 - v) Memberi penekanan kepada **elemen coaching dan mentoring** di mana **Kementerian/agensi perlu mengenal pasti usahawan harapan yang menunjukkan prestasi yang tinggi** dan mereka akan dilantik sebagai mentor kepada usahawan yang lain.
 - vi) Melaksanakan **MCORE/SCORE** bagi menentukan kategori projek tersebut apabila telah mencapai tempoh maksimum 2 tahun. Selepas penilaian, usahawan akan didaftarkan di bawah SME Corp. sebagai usahawan mikro, kecil atau sederhana. Pada tahap ini, Usahawan Harapan perlu mencapai tahap 3 MCORE.
 - vii) Mendapatkan kelulusan daripada JPSPK bagi pelanjutan tempoh projek sehingga 1 tahun bagi projek yang telah mencapai maksimum 2 tahun tetapi masih tidak mencapai tahap 3 MCORE. Dalam tempoh pelanjutan ini, **projek perlu diteliti semula dan kekangan kepada projek perlu diatasi dengan segera**. Apabila telah genap 1 tahun maka projek

sekali lagi akan dinilai melalui MCORE. Sekiranya didapati projek masih gagal mencapai 3 MCORE, maka JPSPK perlu menentukan sama ada bantuan kepada projek ini akan teruskan.

- viii) Di fasa ini, kerjasama antara usahawan akan ditingkatkan melalui **persatuan** di mana setiap usahawan SDSI digalakkan untuk menganggotai mana-mana persatuan yang berkaitan dengan bidang usaha mereka. **Maklumat usahawan perlu didaftarkan di dalam sistem pangkalan data SDSI** di bawah ICU JPM. Setiap **kementerian peneraju perlu mempunyai direktori bantuan yang diterima oleh usahawan** di bawah kluster masing-masing.
- ix) Menyelaras pelaksanaan MCORE perlu dengan kerjasama Kerajaan Negeri melalui JKTNg dan SME Corp.. ICU JPM akan memantau prestasi usahawan SDSI melalui JPSPK.
- x) Mengukur pencapaian fasa ini melalui **KPI yang ditetapkan untuk Kementerian Peneraju ialah 50% daripada Usahawan Harapan berjaya mencapai tahap 3 MCORE dan didaftarkan di bawah SME Corp. dalam tempoh 3 tahun.**

Fasa II : Perkembangan dan Peningkatan


- 30. Fasa II juga terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat **Perkembangan** dan **Peningkatan**. Kumpulan sasaran di bawah fasa ini ialah usahawan yang telah mencapai tahap 3 MCORE dan telah didaftarkan di bawah SME Corp.. Penilaian SCORE akan dilaksanakan bagi menentukan usahawan tersebut berada di kategori kecil atau sederhana. Pada peringkat ini, peranan kerajaan dalam memberikan bantuan akan berkurangan dan usahawan digalakkan untuk lebih berdikari.
- 31. **Tumpuan kerajaan pada fasa ini lebih kepada pemantauan dan bekerjasama dengan SME Corp.** bagi memastikan prestasi industri yang telah didaftarkan di bawah SME Corp. akan terus meningkat ke tahap yang lebih tinggi. SCORE dilaksanakan untuk menentukan kategori usahawan dan akan diselaraskan oleh kementerian peneraju dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri melalui JKTNg dan SME Corp..

32. Bagi memperkembang dan mengukuhkan sesebuah industri di fasa ini, antara bentuk bantuan yang diberikan ialah:
 - i) Bimbingan bagi membantu usahawan untuk mendapatkan pembiayaan melalui skim pembiayaan yang disediakan oleh kerajaan.
 - ii) Mewujud dan mempergiatkan kerjasama strategik dengan pihak swasta dan GLCs seperti Koridor Pembangunan Ekonomi, *Government Link Investment Company* (GLIC), *Bumiputera Link Company* (BLC) dan *Bumiputera Link Investment Company* (BLIC).
33. Pencapaian fasa ini diukur melalui **KPI yang ditetapkan untuk Kementerian Peneraju ialah 5% Usahawan Harapan berubah kategori sama ada daripada usahawan mikro ke kecil atau kecil ke sederhana dalam tempoh 2 tahun.** Prestasi projek SDSI yang telah berkembang dan mencapai industri kecil dan sederhana masih perlu dipantau oleh Kementerian dan dilaporkan di dalam JPSPK.
34. Usahawan SDSI yang telah mencapai tahap kecil dan sederhana digalakkan untuk menjadi syarikat induk (*anchor company*) agar dapat menyokong usahawan kecil dan mikro untuk berkembang dengan lebih cepat. Carta aliran pembangunan Program SDSI seperti **Lampiran C**.

JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN PROGRAM SDSI

35. Jentera penyelarasan pelaksanaan Program/Projek SDSI di semua peringkat dan struktur organisasinya adalah seperti di **Rajah 10**. Mekanisme ini adalah bagi memastikan pelaksanaan Program SDSI di peringkat persekutuan dan negeri dapat dilaksanakan dengan lancar.

Rajah 10: Jentera Penyelarasan Pelaksanaan




Jawatankuasa Penyelarasan Peringkat Persekutuan dan Negeri

36. Di bawah Garis Panduan Program SDSI ini, peranan dan fungsi jentera penyelarasan di bawah Arahan pelaksanaan Program SDSI 2006 diserap di bawah Arahan No. 1, 2010.




37. Jentera Penyelarasan Program SDSI yang terkandung di Arahan Pelaksanaan Program SDSI JPM 2006 adalah seperti di Rajah 11(a) dan jentera penyelarasan di bawah hala tuju baru seperti di Rajah 11(b).

Rajah 11(a) : Jentera Penyelarasan Program SDSI Arahan Pelaksanaan Program SDSI JPM 2006



Rajah 11(b) : Jentera Penyelarasan Program SDSI Peringkat Kebangsaan & Negeri



Nota :

JKK	=	Jawatankuasa Kerja Kluster
JKTD/JKTB	=	Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah/Bahagian
JKTN	=	Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara
JKTNg	=	Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri
JKTPNg	=	Jawatankuasa Kerja Tindakan Persekutuan Negeri
JKTZ/JKTJ	=	Jawatankuasa Kerja Tindakan Zon/Jajahan
JTPK	=	Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian
JTWP	=	Jawatankuasa Tindakan Wilayah Persekutuan
JPSPK	=	Jawatankuasa Penyelarasan SDSI Peringkat Kementerian
MTN	=	Majlis Tindakan Negara
MTNg	=	Majlis Tindakan Negeri
MTPNg	=	Majlis Tindakan Persekutuan Negeri
MTWP	=	Majlis Tindakan Wilayah Persekutuan

Jawatankuasa Penyelarasan SDSI Peringkat Kementerian (JPSPK)

38. Jawatankuasa Penyelarasan SDSI Peringkat Kementerian berperanan sebagai badan di peringkat pegawai yang memastikan keputusan JKTN dan MTN dilaksanakan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk merangka strategi pelaksanaan Program SDSI, memantau dan menangani isu pelaksanaan.

JAWATANKUASA PENYELARASAN SDSI PERINGKAT KEMENTERIAN (JPSPK)

Pengerusi

Ketua Pengarah ICU JPM

Timbalan Pengerusi

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Strategik) ICU JPM

Urus setia

ICU JPM

Kekerapan mesyuarat

Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

AHLI-AHLI

Ketua Setiausaha KPKK

Wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK)

Ketua Setiausaha KKLW

Wakil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Ketua Setiausaha MITI

Wakil Unit Perancang Ekonomi (EPU) JPM

Ketua Setiausaha MOTOUR

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp.

Ketua Setiausaha MOA

Ketua Unit Kawal Selia FELDA JPM/ Pengarah Besar FELDA

Presiden SIRIM Berhad

Kementerian/jabatan/agensi yang berkaitan.

AHLI JEMPUTAN

Individu yang dijemput berdasarkan isu semasa yang dibincangkan

FUNGSI	
	i) Memastikan keputusan JKTN dan MTN berkaitan Program SDSI dilaksanakan.
	ii) Mencadangkan dasar dan strategi serta menentukan hala tuju Program SDSI dalam pembangunan ekonomi negara secara menyeluruh.
	iii) Melaporkan tahap pencapaian Program SDSI kepada JKTN dan MTN.
Pemantau Pelaksanaan, Penyelesaian Masalah Pelaksanaan dan Penilaian Projek/Program	iv) Menyelaras dan memantau peruntukan semua Program SDSI oleh kementerian, jabatan serta agensi pelaksana supaya tidak berlaku pertindihan dan diuruskan secara bijak dan berhemah.
	v) Menyelaraskan dan mendapatkan sokongan swasta, terutamanya daripada GLCs dan koridor pembangunan ekonomi bagi membangunkan usahawan-usahawan Program SDSI.
	vi) Memastikan semua agensi yang terlibat dengan pembangunan Program SDSI melaksanakan tanggungjawab selari dengan bidang tugas.
	vii) Menyelaraskan serta memantau Program SDSI di peringkat kementerian, negeri dan daerah.
	viii) Memantau pencapaian KPI bagi setiap Jawatankuasa kerja dan Jawatankuasa Peringkat Negeri.
	ix) Menasihati Jawatankuasa Kerja mengenai dasar dan hala tuju baru yang dikehendaki oleh Kerajaan.
	x) Mewujud dan memantau pelaksanaan penilaian <i>outcome</i> dan impak Program SDSI oleh kementerian dan negeri secara terpilih.
	xi) Mengambil tindakan penyelesaian berhubung dengan isu dan masalah utama yang dihadapi pada peringkat kementerian dan negeri.

Jawatankuasa Kerja Bagi Kluster Makanan/Minuman, Homestay, Produk Kraf dan Produk/Perkhidmatan Kesihatan

39. Seperti dinyatakan di para 12, pembangunan Projek SDSI dibahagikan mengikut kluster dan kementerian peneraju telah ditetapkan mengikut kluster. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memastikan keputusan Jawatankuasa Teknikal SDSI Peringkat Kementerian dilaksanakan dan perlu menangani isu dan masalah pelaksanaan program/projek di bawah bidang kuasa kementerian masing-masing.

JAWATANKUASA KERJA KLUSTER (MENGIKUT KLUSTER)													
Pengerusi	Ketua Setiausaha Kementerian mengikut kluster berkaitan												
Timbalan Pengerusi	Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian mengikut kluster berkaitan												
Urus setia	Kementerian mengikut kluster berkaitan												
Kekerapan mesyuarat	Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.												
<table border="1"> <thead> <tr> <th>AHLI-AHLI</th><th></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>ICU JPM</td><td>MOA</td></tr> <tr> <td>MOTOUR</td><td>SME Corp.</td></tr> <tr> <td>KPKK</td><td>Unit Kawal Selia FELDA, JPM/FELDA</td></tr> <tr> <td>KKLW</td><td>SIRIM Berhad</td></tr> <tr> <td>MITI</td><td>Kementerian/jabatan/agensi yang berkaitan.</td></tr> </tbody> </table>		AHLI-AHLI		ICU JPM	MOA	MOTOUR	SME Corp.	KPKK	Unit Kawal Selia FELDA, JPM/FELDA	KKLW	SIRIM Berhad	MITI	Kementerian/jabatan/agensi yang berkaitan.
AHLI-AHLI													
ICU JPM	MOA												
MOTOUR	SME Corp.												
KPKK	Unit Kawal Selia FELDA, JPM/FELDA												
KKLW	SIRIM Berhad												
MITI	Kementerian/jabatan/agensi yang berkaitan.												
AHLI JEMPUTAN	Agensi/Individu yang dijemput berasaskan isu semasa yang dibincangkan												

FUNGSI	
Pemantau Pelaksanaan, Penyelesaian Masalah Pelaksanaan dan Penilaian Projek/Program	i) Memastikan keputusan JPSPK dilaksanakan.
	ii) Mencadangkan dasar dan strategi serta hala tuju induk dan tahunan bagi projek SDSI berkaitan dengan kluster.
	iii) Melaporkan prestasi pencapaian Program SDSI kepada JPSPK.
	iv) Mengenal pasti dan memutuskan satu atau lebih produk/perkhidmatan yang berpotensi untuk dibangunkan bagi mewakili daerah di bawah Program SDSI dengan mengambil kira cadangan daripada kementerian lain dan peringkat negeri.
	v) Mengenal pasti usahawan dan produk yang berpotensi untuk dipilih sebagai usahawan harapan dan memantau pencapaiannya.
	vi) Menyelaraskan dan menyalurkan khidmat nasihat dan bantuan dari segi teknikal, latihan, keperluan penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan pengembangan, pemasaran dan promosi dan sebagainya.
	vii) Memastikan bahan mentah/tenaga kerja yang mencukupi bagi memastikan projek berdaya tahan dan berdaya maju.
	viii) Mewujudkan KPI dan mengukur pencapaiannya serta melaporkan prestasi projek kepada JPSPK.
	ix) Memastikan KPI pembangunan produk dan usahawan tercapai.
	x) Mengenal pasti syarikat induk di kalangan usahawan melaksanakan program <i>coaching</i> / mentor – menti di kalangan usahawan sebagai pembimbing kepada usahawan baru.
	xi) Menyelaraskan dan mewujudkan kerjasama strategik dengan pihak swasta, terutamanya daripada GLCs bagi membangunkan usahawan-usahawan SDSI.
	xii) Menyelaras pelaksanaan MCORE dan SCORE di kalangan usahawan.

Nota :

Contoh format di Lampiran B, D, E, F dan G boleh digunakan oleh Jawatankuasa Kerja Kluster.

Jawatankuasa Kerja Promosi, Pemasaran dan Pembangunan Keusahawanan

40. Fokus utama Jawatankuasa Kerja Promosi, Pemasaran dan Pembangunan Keusahawanan adalah untuk memberikan khidmat sokongan dari segi pemasaran dan promosi serta melahirkan usahawan yang bermaklumat dan mempunyai daya tahan yang tinggi.

JAWATANKUASA KERJA KLUSTER PROMOSI, PEMASARAN DAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN	
Pengerusi	Ketua Setiausaha MITI
Timbalan Pengerusi	Timbalan Ketua Setiausaha MITI
Urus setia	MITI
Kekerapan mesyuarat	Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

AHLI-AHLI	
ICU JPM	KKLW
MOA	Unit Kawal Selia FELDA, JPM/FELDA
MOTOUR	SME Corp.
KPKK	KPDNKK
Kementerian/jabatan/agensi yang berkaitan.	
AHLI JEMPUTAN	Agensi/Individu yang dijemput berdasarkan isu semasa yang dibincangkan

FUNGSI	
Pemantau Pelaksanaan, Penyelesaian Masalah Pelaksanaan dan Penilaian Projek/Program	<p>i) Memastikan keputusan JPSPK dilaksanakan.</p> <p>ii) Merangka pelan tindakan bersepadu bagi pelaksanaan strategi pemasaran dan promosi untuk produk yang dihasilkan di bawah Program SDSI dan program pembangunan keusahawanan bagi melahirkan usahawan yang berpengetahuan.</p> <p>iii) Melaporkan prestasi program promosi, pemasaran dan pembangunan keusahawanan kepada JPSPK.</p> <p>iv) Memantau dan menilai serta menyediakan kajian <i>outcome</i> prestasi pelaksanaan program promosi, pemasaran dan pembangunan keusahawanan.</p> <p>v) Melaksanakan kajian pemasaran bagi produk yang dihasilkan di bawah Program SDSI dan menyalurkan maklumat tersebut kepada kementerian peneraju dan usahawan-usahawan.</p> <p>vi) Mengambil langkah-langkah penambahbaikan bagi memperkuuh pelaksanaan pelan tindakan strategi promosi, pemasaran dan pembangunan keusahawanan.</p> <p>vii) Menyelaraskan dan mendapatkan sokongan swasta, terutamanya daripada GLC bagi meningkatkan pemasaran produk SDSI.</p> <p>viii) Menyelaras program pembangunan usahawan yang dilaksanakan oleh kementerian/agensi lain secara bersepadu dengan agensi-agensi berkaitan.</p> <p>ix) Mengenal pasti program latihan yang diperlukan oleh seseorang usahawan dan mengukur keberkesanan program.</p> <p>x) Mewujudkan KPI bagi aktiviti pemasaran dan pembangunan keusahawanan.</p> <p>xi) Melengkapkan usahawan dan bakal usahawan dengan asas ilmu keusahawanan serta latihan yang berbentuk peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan serta mengurus organisasi perniagaan.</p> <p>xii) Mewujudkan pangkalan data bagi menyelaraskan latihan yang telah diberikan kepada usahawan SDSI.</p>

PANDUAN UMUM JAWATANKUASA

41. Mesyuarat Jawatankuasa

- i) Semua ahli hendaklah dilantik secara rasmi oleh Pengerusi. Urus setia akan menyediakan surat pelantikan ahli yang ditandatangani oleh Pengerusi.
- ii) Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diatur oleh urus setia mengikut kekerapan mesyuarat seperti yang ditetapkan.
- iii) Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah memberikan tumpuan kepada fungsi-fungsi yang telah ditetapkan.
- iv) Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah mengelakkan daripada membincangkan perkara-perkara yang boleh diselesaikan dalam forum lain.

42. Takwim Mesyuarat

Takwim mesyuarat sepanjang tahun hendaklah dirancang sebelum bulan Januari setiap tahun dan diedarkan kepada semua ahli mesyuarat. Sekiranya mesyuarat tidak dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan, urus setia hendaklah mendapatkan tarikh baru.

43. Agenda Mesyuarat

Urus setia hendaklah menyediakan agenda khusus untuk mesyuarat sepanjang tahun berasaskan fungsi-fungsi yang telah ditetapkan. Antara perkara yang boleh dijadikan agenda tetap atau berkala ialah:

- i) Pembentangan laporan kemajuan pelaksanaan Program SDSI mengikut agensi penyelaras dengan memberikan fokus kepada:
 - kejayaan pelaksanaan sesuatu program/ projek yang boleh dijadikan panduan oleh agensi.
 - mengesan isu dan masalah pelaksanaan.
 - cadangan langkah-langkah penyelesaian.

- ii) Mengatur lawatan ahli jawatankuasa ke tapak projek secara berjadual atau sebagai susulan kepada keputusan mesyuarat.
44. Mengenal Pasti Isu dan Masalah Serta Tindakan Penyelesaian
- i) Fungsi utama jawatankuasa adalah untuk mengesan dan menyelesaikan isu dan masalah pelaksanaan Program SDSI.
 - ii) Isu dan masalah yang tidak dapat diselesaikan pada peringkat kementerian/jabatan/agensi/negeri hendaklah dibawa ke jawatankuasa yang lebih tinggi.
45. Format Laporan
- i) Semua agensi berkenaan boleh menggunakan format yang sesuai seperti dalam **Lampiran D** bagi mengetengahkan perkara atau isu-isu tertentu.
 - ii) Bagi kertas taklimat yang melebihi 6 muka surat, ringkasan eksekutif (tidak melebihi 3 muka surat) hendaklah disediakan.
46. Minit Mesyuarat
- i) Minit mesyuarat hendaklah menepati Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991 yang bertajuk Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan. Contoh format minit mesyuarat adalah seperti dalam **Lampiran E**. Jentera penyelarasan pada peringkat negeri boleh mengubah suai format mengikut kesesuaian fungsi masing-masing.
 - ii) Minit mesyuarat hendaklah diedarkan kepada ahli mesyuarat selewat-lewatnya seminggu selepas tarikh mesyuarat diadakan dan sesalinan minit mesyuarat hendaklah dikemukakan kepada urus setia Jawatankuasa Peringkat Agensi/Jawatankuasa Peringkat Negeri yang berkaitan.

47. Maklum Balas Keputusan Mesyuarat

- i) Ahli jawatankuasa atau mana-mana pihak lain yang diberi tanggungjawab melaksanakan sesuatu keputusan mesyuarat hendaklah memberikan maklum balas kepada urus setia jawatankuasa dalam masa sekurang-kurangnya 14 hari selepas minit mesyuarat diedarkan. Laporan terkini boleh dikemukakan sekurang-kurangnya 10 hari sebelum mesyuarat yang akan datang.
- ii) Sekiranya pihak yang diberi tanggungjawab melaksanakan sesuatu keputusan bukan ahli kepada jawatankuasa, urus setia hendaklah menghantar keratan minit mesyuarat kepada pihak berkenaan seperti contoh di **Lampiran F**.
- iii) Urus setia bertanggungjawab memantau pelaksanaan keputusan mesyuarat dan melaporkannya kepada mesyuarat Jawatankuasa seperti contoh dalam **Lampiran G**.

48. Perubahan Keahlian dan Fungsi Jawatankuasa

- i) Sebarang perubahan keahlian dan fungsi jawatankuasa boleh dibuat oleh pengurus bagi setiap jawatankuasa dan perlu dimaklumkan kepada urus setia jawatankuasa di peringkat kebangsaan.
- ii) Pengurus jawatankuasa boleh menjemput wakil daripada sektor swasta dan pertubuhan sukarela bagi mewakili kepentingan-kepentingan tertentu menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa dari semasa ke semasa dengan syarat perkara rahsia Kerajaan tetap terpelihara.
- iii) Kehadiran ahli dalam Mesyuarat Jawatankuasa adalah atas nama jawatan dan hanya boleh diwakili oleh timbalannya.

LIPUTAN ARAHAN

49. Garis panduan ini berkuat kuasa bagi semua peringkat kementerian dan negeri mulai tarikh arahan ini dikeluarkan. Pindaan-pindaan kepada garis panduan ini akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
50. Segala pertanyaan mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Program SDSI hendaklah dikemukakan kepada:

Urus Setia Program SDSI
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Bahagian Kesejahteraan Rakyat
Jabatan Perdana Menteri
Aras 1, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA

No. Telefon : 03-88723801/ 88726566/ 88723809
No. Faks : 03 – 8888 3685

PENUTUP

52. Dengan berkuat kuasanya garis panduan ini, Arahan Pelaksanaan Program SDSI bertarikh 25 April 2006 dibatalkan.

**TAN SRI MUHYIDDIN BIN HJ. MOHD YASSIN
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

PUTRAJAYA
Mac 2012

LAMPIRAN A

MAKLUMAT PENILAIAN SCORE DAN MCORE

1. SCORE DAN MCORE

SCORE (*SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE) Programme*) adalah satu alat **diagnostik** yang digunakan untuk **mengukur** dan **meningkatkan daya saing syarikat PKS** berdasarkan kepada **prestasi** dan **keupayaan semasa** mereka. **MCORE** (*Micro Enterprise Competitiveness Rating for Enhancement*) digunakan untuk **Syarikat Enterpris Mikro** bagi tujuan yang sama.

Fungsi SCORE

- i. Mengenal pasti **kekuatan** dan **kelemahan** semasa syarikat PKS bagi **cadangan untuk penambahbaikan**.
- ii. Menghubungkan **syarikat PKS yang berpotensi** dengan **syarikat-syarikat besar/multinasional**; dan
- iii. Menghubungkan **syarikat-syarikat** yang **bersedia** untuk **aktiviti eksport** dengan **MATRADE**.

SCORE Model dan Parameter

SCORE Model yang telah dibangunkan terdiri daripada:

- i. *Manufacturing and Manufacturing related Services* (Perkilangan dan Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan);
- ii. *Retail and Distributive Trade* (Perdagangan Agihan);
- iii. *Construction* (Pembinaan);
- iv. *ICT*;
- v. *Professional Services* (Perkhidmatan Profesional);
- vi. *Maintenance, Repair and Overhaul* (Penyelenggaraan dan kerja-kerja membaik pulih); dan
- vii. MCORE.

Keupayaan dan pencapaian diukur berdasarkan tujuh parameter menerusi pelbagai sektor. Contoh parameter untuk **Perkilangan** dan **Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan** adalah:


- i. Prestasi Perniagaan;
- ii. Keupayaan Kewangan;
- iii. Keupayaan Pengurusan;
- iv. Kapasiti Pengeluaran;
- v. Keupayaan Teknikal;
- vi. Sistem Kualiti; dan
- vii. Inovasi.

2. MANFAAT PROGRAM

- i. SCORE akan memudahkan SME Corp. Malaysia untuk menjalankan *Industrial Linkage Programme (ILP)* dengan **lebih fokus, mempunyai koordinasi dan struktur**;
- ii. Syarikat yang memperoleh 3 hingga 5 bintang telah bersedia untuk memasuki **pasaran eksport**; dan


- iii. Syarikat yang memperoleh 2 bintang dan ke bawah akan diberi **khidmat bimbingan** dan nasihat untuk **mengembangkan** perniagaan mereka.

3. CARTA ALIR PROGRAM SCORE/MCORE




4) HASIL PROGRAM

- i. Gambar rajah Radar MCORE
Contoh:



Bantuan:
Memerlukan khidmat nasihat dan sokongan perniagaan (*handholding assistance*)

- ii. Gambar rajah Radar SCORE
Contoh:



Analisa:
Lemah dalam keupayaan kewangan
Bantuan:
Memerlukan latihan dalam pengurusan kewangan

Contoh Format

LAMPIRAN B-1

FORMAT PEMANTAUAN PROJEK SDSI

FASA I (MAKSIMUM 2 TAHUN)


Kluster	Kem. Peneraju	Kem./Agenzi Penyelia	Nama usahawan/ syarikat	Jenis Produk	Tarikh mula projek	Status Asal		Bil. Pekerja	Neg.	Daerah	Masalah	Usahawan Harapan				Pelanjutan - 1 Thn (jika perlu)		
						Purata nilai jualan tahunan (tahun semasa) RM						Asas		Pengukuran		Pencapaian (penilaian mcore)	Jenis kemudahan	Pencapaian
						Jenis bantuan	Agenzi terlibat					Jenis bantuan	Agenzi terlibat					
			Nyatakan sekiranya projek tersebut di bawah seliaan selain daripada kementerian peneraju															
			NYATAKAN MENGIKUT KOD: 1 = Makanan / Minuman 2 = Homestay 3 = Produk Kraf 4 = Produk/ Perkhid.															
			NYATAKAN MENGIKUT KOD: 1 = MOA 2 = MOTOUR 3 = KPKK 4 = KKLW															
			Contoh															
3	3	KKLW/ RISDA	Fatimah binti Ahmad	Bunga daun getah	1.10.2011	12,000	2	4	ALOR GAJAH	Ketidakcukupan Bekalan Daun Getah Kurang Pasaran Bunga Daun Getah	Mengenalpasti pembekal bahan mentah i)Mengadakan kajian pasaran ii)Meningkatkan promosi melalui laman web	RISDA KRAF KKLW/ RISDA KRAF MITI		Kerjasama dengan korporat/ agensi untuk dijadikan sebagai corparate gift Mendaftarkan usahawan di bawah persatuan agar kerjasama antara ahli dapat diwujudkan		KRAF RISDA MITI KKLW/ RISDA		
1	1	Jabatan Pertanian	Siti Zaiton bin Adnan	Daging Salai	1.10.2009	120,000	3	5	Kuala Pilah	Teknik Pembungkusan	Bantuan modal/pinjaman	SIRIM Jabatan Pertanian KKLW				KRAF KKLW/ RISDA		


Contoh Format
FORMAT PEMANTAUAN PROJEK SDSI

LAMPIRAN B-2

FASA II

Kluster	Kem. Peneraju	Kem. Penyelaras	Nama usahawan/ syarikat	Jenama /Jenis Produk	Tarikh mula projek	Status Asal		Negeri	Daerah	Masalah/Isu	Perkembangan dan Peningkatan		
						Purata nilai jualan tahunan (tahun semasa) RM	Bil. Pekerja				Kemudahan Yang Diberikan	Agensi terlibat	Pencapaian (Penilaian star rating)
				Contoh									
1	1	KEDA	Onlyone Zuzza Food Industries Sdn. Bhd.,	Kuah Rojak Madu, Kuah Yong Tau Fu, Kicap, Sos Cili, Sos Cili Thai, Sos Tomato, Sos Lada Hitam, Sos Tiram, Kopi Kampung Campuran, Ketupat Nasi, Serbuk Kari Ikan, Serbuk Kari Daging, Serbuk Rempah Kurma, Kuah Sate, Kuah Kacang, Acar, Cili Giling Dan Cuka.	1994	3,000,000	50	Kedah	Kubang Pasu	Pembungkusan – Tidak cukup botol	R&D untuk bolehkan usahawan menggunakan botol plastik	SIRIM MARDI KEDA	
										Perlu tingkatkan nilai jualan	Tingkatkan promosi bagi meningkatkan pasaran ke luar negara melalui media/ ekspo di luar negara (selain daripada negara yang telah dipasarkan)	MITI SME Corp.	
											Luaskan jualan tempatan - Kerjasama dengan syarikat swasta dan GLCs.	MITI SME Corp.	
											Membantu usahawan menjadi syarikat induk kepada syarikat mikro	Jabatan Pertanian/ MOA	

LAMPIRAN C**CARTA ALIRAN PEMBANGUNAN PROGRAM SDSI**



LAMPIRAN D

Contoh Format

LAPORAN PROJEK BERMASALAH KEMENTERIAN UNTUK PERHATIAN JAWATANKUASA PENYELARASAN SDSI PERINGKAT KEMENTERIAN

NAMA KEMENTERIAN.....
NAMA PROJEK.....

1. TUJUAN LAPORAN

[Nyatakan tujuan laporan]

2. LATAR BELAKANG PROJEK

[Nyatakan latar belakang projek seperti tujuan/objektif projek, skop projek dan maklumat asas lain mengenai projek].

3. MASALAH PELAKSANAAN PROJEK

[Nyatakan masalah-masalah utama pelaksanaan projek secara terperinci. Nyatakan juga jika masalah tersebut berkaitan dengan tanggungjawab atau bidang kuasa kementerian/jabatan/negeri yang lain].

4. TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH

[Nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian bagi mengatasi/menyehlesaikan masalah yang dihadapi dalam perkara 3. Jika masalah tersebut berkaitan dengan tanggungjawab atau bidang kuasa kementerian/jabatan/negeri yang lain, nyatakan setakat mana kerjasama yang telah diberikan bagi menyelesaikan masalah tersebut].

5. IMPLIKASI KELEWATAN PELAKSANAAN PROJEK

[Nyatakan implikasi/kesan daripada kelewatan pelaksanaan projek dari segi kewangan, objektif projek, faedah kepada rakyat dan kesan-kesan lain yang berkaitan].

6. CADANGAN DARIPADA KEMENTERIAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH

[Berikan cadangan/alternatif untuk menyelesaikan masalah].

7. PERKARA-PERKARA DASAR YANG PERLU DIPUTUSKAN

8. PENUTUP

LAMPIRAN E

Contoh Format

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN SDSI
PERINGKAT KEMENTERIAN**

Kementerian:

Bil.:

Tarikh:

Masa:

Tempat:

YANG HADIR

YANG TURUT HADIR

YANG TIDAK HADIR

- I. PERUTUSAN PENGURUSI
- II. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT
- III. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT
- IV. PELAKSANAAN ARAHAN/KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERINGKAT KEBANGSAAN/JAWATANKUASA PERINGKAT AGENSI YANG BERKAITAN DENGAN KEMENTERIAN
- V. PERKARA-PERKARA PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN PROGRAM SDSI
- VI. PERBINCANGAN KERTAS KERJA DAN TAKLIMAT
- VII. HAL-HAL LAIN
- VIII. PENUTUP

Urus setia:

Tarikh:

LAMPIRAN F

Contoh Format

**Butir-butir Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan
SDSI Peringkat Kementerian**

Mesyuarat pada: 20 Februari 2012

4. PEMBENTANGAN DAN PERBINCANGAN KERTAS KERJA/LAPORAN

- 4.1 Kertas ‘Laporan Pelaksanaan Projek-projek SDSI Tahun 2011 Mengikut Kementerian’ – oleh ICU JPM.

4.1.2 Mesyuarat seterusnya:

(b) menetapkan:

- (ii) Kementerian Kewangan dan UPE meneliti cadangan Kementerian Pelancongan supaya peruntukan khusus bagi Program SDSI disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10).

Tindakan: Kementerian Kewangan /
UPE JPM

[]

Urus setia,
Jawatankuasa Penyelarasan SDSI Peringkat Kementerian.

LAMPIRAN G

Contoh Format

**LAPORAN MAKLUM BALAS PELAKSANAAN KEPUTUSAN MESYUARAT
JAWATANKUASA PENYELARASAN SDSI PERINGKAT KEMENTERIAN
BIL. 1/2012 BERTARIKH 20 FEBRUARI 2012**

BIL.	PERKARA	MAKLUM BALAS

SINGKATAN

BLIC	: <i>Bumiputera Link Investment Company</i>
BLC	: <i>Bumiputera Link Company</i>
ETP	: Program Transformasi Ekonomi
GLIC	: <i>Government Link Investment Company</i>
GLC	: <i>Government Link Company</i>
ICU JPM	: Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri
JKK	: Jawatankuasa Kerja Kluster
JKTB	: Jawatankuasa Kerja Tindakan Bahagian
JKTD	: Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah
JKTJ	: Jawatankuasa Kerja Tindakan Jajahan
JKTN	: Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara
JKTZ	: Jawatankuasa Kerja Tindakan Zon
JKTNg	: Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri
JKTPNg	: Jawatankuasa Kerja Tindakan Persekutuan Negeri
JPSPK	: Jawatankuasa Penyelarasan SDSI Peringkat Kementerian
JTPK	: Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian
JTWP	: Jawatankuasa Tindakan Wilayah Persekutuan
KDNK	: Keluaran Dalam Negara Kasar
KKLW	: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KPI	: <i>Key Performance Indicator</i>
KPKK	: Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
MBE	: Model Baru Ekonomi
MITI	: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MOA	: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
MOTOUR	: Kementerian Pelancongan
MTN	: Majlis Tindakan Negara
MTWP	: Majlis Tindakan Wilayah Persekutuan

KPDNKK	:	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan
OVOP	:	<i>One Village One Product</i>
PKS	:	Perusahaan Kecil dan Sederhana
RMKe10	:	Rancangan Malaysia Kesepuluh
SDSI	:	Program Satu Daerah Satu Industri
SKSP	:	Satu Kampung Satu Produk
SKSI	:	Satu Kampung Satu Industri
UPEN	:	Unit Perancang Ekonomi Negeri

GLOSARI

Kementerian Peneraju	:	Kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui pembangunan kluster yang ditetapkan.
Kluster SDSI	:	Bidang usaha yang ditetapkan di bawah Program SDSI berdasarkan kepada kapasiti usahawan, kebolehpasaran produk dan sumber bahan mentah.
Kriteria Penentuan PKS	:	Kriteria PKS di bawah SME Corp. akan dijadikan sebagai panduan untuk mengukur kategori sesebuah projek SDSI.
Penilaian MCORE dan MCORE	:	Satu alat diagnostik yang digunakan untuk mengukur daya saing syarikat PKS berdasarkan prestasi dan keupayaan semasa.
Produk Champion	:	Produk yang telah dinilai di bawah <i>Star Rating</i> dan mendapat 3 hingga 5 bintang.
Sistem Pangkalan Data SDSI	:	Sistem yang dibangunkan sebagai pusat pangkalan data SDSI, sumber rujukan dan instrumen utama dalam membuat penilaian keberkesanan program.
Usahawan Harapan	:	Usahawan SDSI yang dipilih untuk dibangunkan bagi melahirkan usahawan SDSI bertaraf kecil dan sederhana.